

28/08/1999

## Persembahan Hari Merdeka

SERAMAI 35 penyanyi solo dan berkumpulan membuat persembahan dalam Festival Belia Dan Perbarisan bersempena sambutan Hari Merdeka ke-42 di Bangsar, Kuala Lumpur, pada 29 Ogos ini.

Pembabitan mereka lebih bertumpu kepada pertunjukan pentas, di mana setiap penyanyi solo dan kumpulan muzik itu mempersembahkan sekurang-kurangnya empat lagu masing-masing.

Mereka membuat persembahan secara langsung dengan iringan pemuzik jemputan tetapi tidak kurang pula menggunakan muzik yang sudah dirakamkan.

Kumpulan Old Automatic Gargabe (OAG), Too Phat, Muchachaz, Da Joint, Roughedge dan Dead Mushrooms membuat persembahan di Pentas 3, Jalan Telawi 5, jam 3 hingga 6 petang.

Persembahan itu dinamakan Patriotic Gig kerana selain membuat persembahan, mereka dikehendaki melaksanakan kempen Cintai Malaysia. Ia akan diselang-selikan dengan Kuiz Merdeka dikendalikan juruhebah bertugas.

Persembahan Imad, Aeman, Siddiq dan Amal akan menyusul jam 5.30 petang hingga 6.30 petang di Pentas 2, Jalan Telawi 1 berhampiran Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq.

Jurucakap penganjur berkata segala kegiatan dihentikan mulai 7 hingga 8.30 malam bagi menghormati waktu sembahyang Maghrib dan Isyak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melakukan majlis pelancaran Festival Belia Dan Perbarisan, mulai 8.45 malam.

"Ia diikuti perarakan dan perbarisan 40 kontingen termasuk enam kumpulan pancaragam bermula jam 9.15 malam hingga 10.30 malam," katanya.

Selepas itu, 35 penyanyi solo dan kumpulan muzik membuat persembahan serentak di tiga tempat berasingan seperti Pentas Perdana di Jalan Telawi 4, Pentas 2 dan Pentas 3, mulai 10.30 malam hingga 1 pagi.

M Nasir, Ziana Zain, Innuendo, Jay Jay, Mas Idayu, Liza Hanim, Sharizan, Rozita Izlyn, Rem, Moin dan GIM akan membuat persembahan di Pentas Perdana, manakala pengacara bertugas ialah Jeffrey Ong dan Wardina Saffiya Fadhullah.

Shamsul Azhar mengendalikan persembahan penyanyi solo dan kumpulan nasyid seperti Rabbani, Imad, Aeman, Huda, Siddiq, Saujana, Amal, Hijjaz, Nowseeheart dan Brothers di Pentas 2.

Juruhebah Jake Abdullah dan Najee mengendalikan persembahan Ning Baizura, Poetic Ammo, Shades, Butterfingers, A to Z, AOG, Soul Street, Da Joint, Muchachaz, Roughedges, Dead Mushrooms, Too Phat dan Aman Warren di Pentas 3.

Persembahan akan dihentikan sementara dari jam 11.30 hingga 11.45 malam bagi mengalihkan tumpuan orang ramai kepada pertunjukan bunga api.

Pesta ini bertemakan Kejayaan Lalu Inspirasi Alaf Baru dianjurkan Kementerian Belia Dan Sukan dengan kerjasama kumpulan The New Straits Times Press (NSTP) Berhad, Pejabat Wakil Rakyat Lembah Pantai, Kumpulan Penjaja Jalan Telawi, Majlis Perniagaan Bangsar, Majlis Belia Wilayah Persekutuan dan persatuan penduduk zon Bangsar.

Sehari sebelum majlis pelancaran itu, orang ramai berpeluang menyaksikan pelbagai acara, termasuk pameran kereta lumba Formula 1.

(END)